



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 13 JANUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	CHAR KOAY SELLER STARTED BUSINESS WITH RM100, NOW EARNS RM20,000 A MONTH, NATION, SIN CHEW DAILY -12	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
2.	SASAR TUAI 500KG ROCK MELON, LOKAL, HM -18	AGROBANK
3.	LEBIH 10,000 IKAN PATIN HILANG, DALAM NEGERI, UM -31	LAIN-LAIN
4.	HANYA DAPAT RM200 DARIPADA SERELONG PADI PULUT, HM -ONLINE	
5.	APA NASIB NELAYAN KUALA PERLIS?, RENCANA, UM -17	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Char koay seller started business with RM100, now earns RM20,000 a month		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	13 Jan 2022	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	12	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	197 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,934
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,802



↑哈斯米拉（34岁）以100令吉创业卖印尼油炸卷，如今创下过万的月收入！（吉隆坡大学提供）

→油炸卷（Risoles）是一种印尼传统街头食品。（取自脸书）



RM100 創業

婦女賣油炸捲熬出頭 現月入2萬

（新加坡12日讯）34岁华裔妇女最初以100令吉创业卖油炸卷（Risoles），逐渐投入系统化生产，以冷冻炸卷为主要销售产品，如今创下超过2万令吉的月收入！

哈斯米拉来自吉兰丹州的马德县，是2名孩子的母亲。

她是吉兰丹大学一名企业（贸易）荣誉学士学位的毕业生，油炸卷是她和家人共度闲暇时光的小吃，因而激发了她的创业想法。其嫂伊薇（40岁）来自印尼，所以后者是她学做油炸卷的启蒙老师。

油炸卷是一种印尼传统街头食品，起源于13世纪，它的名字源自于传统葡萄牙小吃的Bissoles。印尼油炸卷吃起来像春卷，但做法、味道皆不同，它是山面粉皮、肉和蔬菜馅料制成，馅料内有蛋黄酱和辣椒酱。

社媒宣传销量翻10倍

根据马新社报道，哈斯米拉最

初只是向身边的亲友和雪州万律一带的人推销她的油炸卷，但很多人对这种小吃感到陌生。

后来，她通过网络社交平台开拓生意，慢慢立下口碑，销售量也大幅提高。

“一开始，我每个月只卖出100至500包的冷冻卷，通过网络社交平台宣传后，每个月可卖出6000至1万包的冷冻卷。生产线已系统化，现在我们公司在全全国各地有70家的代理。”

哈斯米拉的公司名为D'has Food Empire，但更多人熟悉的是其产品名称“RisolesMY Frozen”。其工厂位于万津，目前有7名员工，而哈斯米拉也考虑开拓大业务，给有需要的人提供更多就业机会。

感谢MARDI帮助

她也十分感谢雪州政府及大马农业研究与发展局（MARDI）在她创业路上给予的帮助。

该公司目前生产的油炸卷有5种馅料，包括鸡肉、鸡肉起司、牛肉、牛肉起司及意大利辣香肠起司。

PROJEK PERTANIAN TKHM DAN AGROBANK

Sasar tuai 500kg rock melon

Oleh Mahabazara Abd Malik
mahabazara@hmetro.com.my

Banting

Tanaman hidroponik rock melon lalui projek pertanian pertama Ti-tipan Kasih Harian Metro (TKHM) dengan kerjasama Agrobank di sini, mula me-geuarkan hasil dan bakal dipasarkan selepas dua bu-lan.

Kebun rock melon milik Madrasah Tahfiz Raudhatul Baiduri di Jalan Dengkil di Kampung Bukit Changgang di sini, mula ditanam meng-gunakan teknologi hidroponik November tahun lalu.

Pengurus Madrasah Tahfiz Raudhatul Baiduri, Mohd Izaha Ismail berkata, dengan kerjasama Agrobank dan TKHM, mereka mampu mengembangkan pendapa-tan tambahan di samping projek lain termasuk perta-nian ikan air tawar serta ta-naman halia diusahakan se-jak 10 tahun lalu.

"Sebelum ini kami mula-kan projek tanaman halia dan rock melon secara fer-tigasi, namun mengguna-kan kaedah hidroponik kami dapat banyak penjimatan dari segi penggunaan air, ba-ja tenaga dalam penanaman rock melon.

"Alhamdulillah, selepas 55 hari projek dimulakan No-ember tahun lalu, ini ha-silnya dan kami jangka me-geuarkan hasil pertama 500 kilogram daripada 700 pokok.



DARI kiri, Husain, Mohd Izaha dan Khadijah selepas menandatangani plak projek tanaman hidroponik rock melon di kebun Madrasah Tahfiz Raudhatul Baiduri di Jalan Dengkil, Kampung Bukit Changgang, semalam.



MOHD Izaha (kiri) menunjukkan rock melon ditanam kepada Husain dan Khadijah.

"Kami akan pasaran me-nerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fa-ma), Pasar Borong Selangor dan jualan petik sendiri di kebun ini secara tempahan kepada pelanggan tetap.

"Saya berterima kasih ke-pada Harian Metro dan Ag-robank mewujudkan inisi-a-tif ini kerana apabila kami buka rumah kebajikan ia memerlukan banyak dana, jadi perlu cari alternatif se-

suai dengan mandat penu-buhan Agrobank untuk membantu rumah kebajikan dan madrasah menjana pen-dapatan untuk jangka pan-jang menerusi sektor per-tanian.

"Melalui inisiatif bersama Harian Metro ini, kami se-diaikan peruntukan RM120,000 untuk enam ru-mah kebajikan dikenal pasti menerusi TKHM di seluruh negara untuk membantu ke-langsungan mereka dalam tempoh panjang.

"Kami bukan saja bantu mereka beli benih, baja dan peralatan teknologi pertani-an (hidroponik), malah kami tawarkan konsultasi dari-pada mula menanam hingga mengeluarkan hasil yang konsisten," katanya.

Husain pula berkata, projek itu contoh terbaik membantu rumah kebajikan dan pusat tahfiz terutama yang terkesan dengan pan-demik Covid-19 meneruskan kelangsungan.

"Sebagaimana kita tahu banyak rumah kebajikan ter-kesan akibat Covid-19, ma-lah ada yang ditutup kerana tiada dana untuk meneru-skan kelangsungan.

"Alhamdulillah, kerjasa-ma ini projek pertama TKHM dalam sektor perta-nian dan hari ini kami nam-pak hasilnya.

"Saya lihat ini contoh baik untuk mereka jana pendapa-tan, malah saya menyeru syarikat korporat bekerjasa-ma dengan Harian Metro un-tuk bantu mereka menjana pendapatan tanpa mengha-rap bantuan," katanya.

Melalui inisiatif bersama Harian Metro ini kami sediakan peruntukan RM120,000 untuk enam rumah kebajikan "

Khadijah

Jah Iskandar, Pengarang Kumpulan Harian Metro merangkap Pengurus Projek TKHM, Husain Jabit serta Pengarang Berita Harian Metro merangkap Pengarah Projek TKHM, Noor Azam Ab Aziz, Semmentara itu, Khadijah berkata, kerjasama itu se-

18/1/2022

UTUSAN

DALAM

31

MALAYSIA

NEGERI

Sangkar rosak dilanggar kayu balak hanyut ketika bencana banjir

Lebih 10,000 ikan patin hilang

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD
utusannews@mediamulla.com.my

TEMERLOH: Lebih 10,000 ekor ikan patin sangkar milik pen-ternak, MZ Agriculture Kam-pung Pangsenam, di sini hilang dibawa arus ekoran musibah banjir 18 Disember lalu.

Lapan raga daripada 70 sangkar milik pengusaha itu juga hilang dibawa arus sekali gus mencatatkan kerugian diang-garkan sehingga RM100,000.

Bercakap kepada *Utusan Ma-laysia*, pemilik MZ Agriculture, Mohd. Zahran Ishak berkata, banjir kali ini menyaksikan ikan ba-nyak kayu balak hanyut dibawa arus.

"Kayu-kayu balak yang ha-nyut ini melanggar sangkar ikan menyebabkan rosak dan pecah. Sembilan sangkar saya rosak, lapan raga sangkar hilang dibawa arus manakala satu raga masih ada tetapi pukatnya pe-cah," katanya di sini semalam.

Mohd. Zahran berkata, pen-ternak ikan patin harus me-



SANGKAR ikan patin milik MZ Agriculture rosak dilanggar kayu balak hanyut dalam kejadian banjir pada 18 Disember lalu di Kampung Pangsenam di Temerloh, Pahang.

nerima hakikat mereka berada di kawasan banjir khususnya pada musim tengkujuh yang melanda setiap hujung tahun.

"Sejak berkecimpung dalam

projek ternakan ikan sangkar, saya kerap kali mengalami kerugian besar seperti pengala-man banjir besar pada 2014 dan musim kemarau Sungai Pahang

hampir kering sekitar pada 2015. "Pengusaha ikan sangkar seperti kami cukup terkesan dengan insiden (banjir) yang berlaku pada 2014 sehingga menyebabkan ramai mengala-mi kerugian besar tetapi pro-jek (ternakan ikan) tetap perlu diteruskan," katanya.

Sementara itu, Pengurus Projek MZ Agriculture, Athilah Abd. Rahim berkata, pihaknya sentiasa berurusan dengan mengambil langkah keselama-tan setiap kali musim tengkujuh agar insiden sangkar ikan ha-nyut tidak berulang.

Bagaimanapun, katanya, wa-laupun 70 sangkar dapat dibawa ke kawasan tebing dan diikat pada pokok tetapi arus sungai deras menyebabkan sangkar pecah dan rosak.

Graduan Sains Kimia Uni-versiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam yang bekerja dengan sepupunya, Mohd. Zahran sejak empat tahun lalu itu mengaku-cabaran hebat untuk menjalan-kan ternakan ikan sangkar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/1/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

Hanya dapat RM200 daripada serelong padi pulut



PESAWAH menunjukkan saluran air tidak sempurna di sebahagian Projek Perintis Penanaman Padi Pulut di Pulau Langkawi, Kedah. FOTO ihsan CAP

Georgetown: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) supaya menyiasat Projek Perintis Penanaman Padi Pulut di Pulau Langkawi, Kedah yang menimbulkan pelbagai masalah kepada peserta projek itu.

Projek diuruskan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan dilancarkan pada 2019 itu mempunyai 400 peserta yang mengusahakan penanaman padi pulut seluas kira-kira 2,000 relong sejak tiga musim lalu.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, tinjauan CAP mendapati, pesawah terbabit mendakwa masalah berpunca daripada kelemahan dan ketidaksempurnaan dalam pengurusan projek menyebabkan mereka mengalami kemerosotan hasil pendapatan selain kerugian besar.

Beliau berkata, CAP mendapati kawasan sawah ditanam padi pulut itu kering kontang dan banyak tanaman mati akibat ketiadaan bekalan air, manakala saluran pula dipenuhi semak samun dan tidak dibersihkan.

"CAP bersimpati dengan pesawah yang menghadapi masalah ini dan berharap siasatan serta tindakan segera dilakukan MAFI, Jabatan Pertanian dan agensi berkaitan bagi memastikan keadaan itu tidak berlarutan, selain menjamin kehidupan pesawah.

"CAP berpendapat, mereka yang terjejas sumber pendapatan wajar diberi pampasan setimpal di samping MAFI mendedahkan hasil siasatan punca masalah dan tindakan diambil bagi menanganinya," katanya menerusi kenyataan, di sini, hari ini.

Sementara itu, pesawah, Ahmad Nayan, 54, berkata pendapatannya pada musim menuai merosot sehingga 70 peratus berikutan masalah seperti kelewatan memulakan kerja penanaman, bekalan air tidak mencukupi dan lain-lain.

Katanya, jika tidak berlaku masalah seperti itu, pesawah terbabit mampu memperoleh pendapatan RM1,600 serelong.

"Tetapi malangnya pesawah yang menanam padi pulut di sini hanya mendapat lebih kurang RM200 sahaja serelong," katanya.

Warga emas, Yaakob Saad, 74, berkata, bagi mendapatkan hasil, tuaiannya mengambil masa lama iaitu enam bulan berbanding padi biasa yang hanya empat bulan.

Katanya, kini pertumbuhan pokok padi pulut yang mereka usahakan dilanda pelbagai masalah dengan hasil terjejas teruk.

"Saya turut terbabit dengan projek penanaman padi pulut seluas tujuh relong dan berharap tindakan segera diambil pihak berkenaan bagi mengatasi masalah dihadapi.

"Kami yang terbabit adalah terdiri daripada pesawah miskin dengan menyewa tanah sebanyak RM300 serelong bagi menyertai projek ini, tetapi hasil diperoleh amat mengecewakan," katanya.

Apa nasib nelayan Kuala Perlis?

CA
HABAQ
MAI

Oleh
Mohd. Hafiz Abd. Mutalib
hafiz.mutalib@mediamula.com.my



PERAIRAN Kuala Perlis sememangnya sangat unik. Menjadi tumpuan pelbagai spesies marin termasuk lubuk rezeki buat para nelayan yang selalunya membawa pulang hasil laut yang banyak.

Namun, kebelakangan ini suasana seperti itu sudah tidak dirasai. Hasil kira-kira 1,000 nelayan di negeri ini terus berkurangan dan ada yang pernah pulang dengan tangan kosong meskipun seharian di laut.

Dakwa nelayan, kesan penceroohan secara berleluasa nelayan luar yang menangkap siput secara tidak sah menyebabkan habitat ekosistem marin mula terjejas sekali gus hasil laut semakin berkurangan. Hasil laut seperti ikan kembung, senangin, tenggiri, gelama, kebas, udang dan ketam yang selalunya memenuhi bot atau sampan nelayan ketika pulang dari laut, sudah jarang dilihat

sejak kebelakangan ini.

Jika dahulu nelayan-nelayan pesisir pantai mendakwa mampu membawa pulang hasil 100 kilogram ke atas, namun sekarang satu kilogram pun susah. Pendapatan pula sekitar puluhan ringgit sahaja. Dengan harga barangan semakin meningkat, jumlah pendapatan itu jelas menyulitkan kehidupan nelayan.

Sedar atau tidak, penggunaan secara berleluasa pukuk tunda dan peralatan tangkapan lain termasuk sangkar menangkap siput khususnya di perairan negeri ini boleh merosakkan lantai atau dasar laut sekali gus menyebabkan benih-benih ikan yang belum matang musnah.

Dalam tempoh setahun atau dua tahun akan datang, bagaimana nasib para nelayan jika hasil laut terus berkurangan? Sebelum keadaan bertambah buruk, jalan penyelesaian terhadap masalah itu perlu segera diambil.

Dari aspek penguatkuasaan, pihak bertanggungjawab seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) antaranya dilibat



Nelayan-nelayan pesisir pantai mendakwa mampu membawa pulang hasil 100 kilogram ke atas, namun sekarang satu kilogram pun susah."

sentiasa aktif bertindak dalam membanteras aktiviti tidak dibenarkan itu.

ia dapat dilihat dengan kes rampasan siput retak seribu di perairan negeri ini menunjukkan peningkatan cukup mendadak pada tahun lalu apabila merekodkan nilai rampasan lebih RM180,049 berbanding hanya RM3,760 pada 2020.

BERLUMPUR TEBAL

Bagaimanapun, masalah tersebut dilihat masih berterusan apabila nelayan mendakwa aktiviti menangkap siput retak seribu di perairan Perlis masih terus aktif. Difahamkan keadaan

geografi perairan Perlis yang cetek serta berlumpur tebal menjadi habitat terbaik siput retak seribu selain mempunyai kualiti tinggi. Disebabkan itu, ia menjadi tumpuan nelayan luar terus menangkap siput berkenaan tanpa sedar perbuatan mereka bakal memberi kesan jangka panjang kepada ekosistem laut.

Masalah ini perlu diberikan perhatian serius oleh jabatan terlibat kerana golongan nelayan sudah cukup terkesan. Hasil laut semakin berkurangan adalah masalah serius yang perlu diberikan perhatian segera.

Kerosakan dasar laut perairan negeri ini akan memberi kesan buruk kepada hasil tangkapan nelayan dalam jangka masa panjang dan ketika ini, ia sudah menampakkan kesan.

Rata-rata nelayan pesisir pantai dikatakan mengalami kemerosotan pendapatan lebih 50 peratus sejak aktiviti penangkapan siput semakin berleluasa. Kemerosotan tersebut mungkin bertambah teruk jika masalah berkenaan masih berlarutan.

Jika penguatkuasaan ketika ini masih belum menggentarkan mereka yang terus melakukan

tangkapan siput secara tidak sah, mungkin tindakan lebih tegas perlu diambil terhadap bot-bot luar yang mengaut keuntungan besar.

Tindakan tegas diambil boleh memastikan ia benar-benar mampu mengatasi atau sekurang-kurangnya mengurangkan aktiviti penceroohan tersebut.

Kita faham, nelayan luar juga mencari makan melalui hasil tangkapan siput tersebut. Namun, kita mesti melihat kesan lebih besar yang menjejaskan ramai nelayan di negeri ini. Lebih 60 peratus pengusaha bot juga terpaksa memberhentikan operasi.

Antara cadangan lain, mungkin boleh wujudkan zon-zon tertentu di perairan negeri ini bagi aktiviti menangkap siput serta mengkaji kaedah tangkapan tanpa merosakkan ekosistem laut.

Luah nelayan terbabit kepada saya, jika sekarang pendapatan mereka sekadar cukup makan, bagaimana nasib mereka selepas ini jika hasil laut terus berkurangan? Jangan ambil mudah keluhan mereka.

PENULIS ialah Koresponden Utusan Malaysia Perlis.



NELAYAN terkesan teruk apabila hasil tangkapan ikan terus berkurangan ekoran penceroohan nelayan asing yang menangkap siput retak seribu di perairan Perlis. UTUSAN/SHAHIR NORDIN